

SULIT



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PULAU PINANG

NAMA

KELAS



JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PULAU PINANG
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH-SEKOLAH PULAU PINANG

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM

1249/1

SEJARAH

Kertas 1

$1\frac{1}{2}$ jam

Satu jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A**, **B**, **C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **SATU** jawapan sahaja.*
4. **HITAMKAN** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
5. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*

Kertas ini mengandungi 10 halaman bercetak.
1249/1@2025 Hak Cipta Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang

{Lihat halaman sebelah

1249/1
SULIT

Jawab **semua** soalan

1 Maklumat berikut berkaitan ciri rakyat dalam Kerajaan Melayu Melaka.

- Taat setia kepada sultan
- Mengakui kekuasaan sultan
- X

Apakah X?

- A Mentadbir wilayah pegangan
- B Menjalin hubungan diplomatik
- C Melaksanakan pungutan cukai
- D Mematuhi undang-undang kerajaan

2 Bagaimanakah sumber pendapatan dan kewangan Kesultanan Melayu Melaka diperoleh?

- I Kegiatan perdagangan
- II Pembayaran ufti
- III Aktiviti pertanian
- IV Sistem serah

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

3 Revolusi berikut berlaku di Barat.

- Revolusi Keagungan di England
- Revolusi Perancis

Apakah persamaan kedua-dua revolusi tersebut?

- A Pemulauan proses pilihan raya
- B Pemberontakan golongan hamba
- C Pengurangan kuasa panglima tentera
- D Penentangan terhadap pemerintahan beraja

4 Raden Adjeng Kartini telah menulis karya berikut.

Habis Gelap Terbitlah Terang

Apakah isu yang dibincangkan dalam karya tersebut?

- A Kepesatan kegiatan ekonomi
- B Penindasan terhadap rakyat
- C Ancaman oleh kaum imigran
- D Kelemahan sistem pentadbiran

- 5 Amerika Syarikat telah mengenakan sekatan ekonomi bagi menghalang Jepun daripada memperoleh bahan mentah yang diperlukan untuk operasi perangnya. Bagaimanakah Jepun menangani sekatan tersebut?
- A Menguasai wilayah di Asia Tenggara
 - B Melancarkan imperialisme di Asia Barat
 - C Menyerang wilayah jajahan pihak Bersekutu
 - D Mewujudkan pakatan ketenteraan dengan Britain
- 6 Maklumat berikut merujuk individu yang menentang pendudukan Jepun di Tanah Melayu.
- Cekal membantu mangsa perang dan gerila di Perak
 - Memberi bantuan ubat-ubatan kepada gerila anti-Jepun
- Siapakah individu tersebut?
- A Albert Kwok
 - B Gurchan Singh
 - C Sybil Kathigasu
 - D Leftenan Adnan
- 7 Apakah iktibar yang diperoleh daripada kegagalan British Military Administration (BMA) untuk memulihkan keadaan selepas perang?
- A Bersedia menerima perubahan
 - B Berwaspada dengan kuasa asing
 - C Bertolak ansur dalam pentadbiran
 - D Berkorban demi negara
- 8 Desakan kerajaan British terhadap Vyner Brooke telah membawa kepada penyerahan Sarawak kepada British. Mengapakah British berminat untuk menguasai Sarawak?
- A Memulihkan keamanan
 - B Kepentingan pelaburan
 - C Melancarkan pentadbiran
 - D Mengukuhkan pertahanan
- 9 Bagaimanakah reaksi PUTERA-AMCJA terhadap perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948?
- A Membawa kes ke mahkamah
 - B Menghantar surat bantahan
 - C Mengadakan referendum
 - D Menganjurkan hartal

- 10 Mengapakah orang Melayu menerima Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948?
- A Kuasa raja dikembalikan
 - B Kerakyatan yang longgar
 - C Hak sama rata semua kaum
 - D Pentadbiran tradisional diperkukuh
- 11 Bagaimanakah fahaman komunis dapat disekat daripada mempengaruhi rakyat di negara ini?
- A Memberi taat setia kepada institusi beraja
 - B Memberi kerjasama erat kepada pihak kerajaan
 - C Memastikan peralihan kuasa berlaku secara aman
 - D Memelihara ekonomi seiring pembangunan negara
- 12 Mengapakah Parti Komunis Malaya menyasarkan pasukan keselamatan dan menyerang balai polis?
- A Mengganggu aktiviti harian
 - B Melemahkan ekonomi kerajaan
 - C Melumpuhkan keselamatan negara
 - D Menunjukkan ketidakupayaan kerajaan
- 13 British memberi mesej bahawa kemerdekaan hanya akan diberikan apabila kerjasama antara kaum dapat diwujudkan.
Bagaimanakah untuk mencapai matlamat tersebut?
- A Menganjurkan Konvensyen Kebangsaan
 - B Mewujudkan sistem pendidikan yang seragam
 - C Menubuhkan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum
 - D Malaksanakan pilihan raya peringkat persekutuan
- 14 Siapakah yang memegang portfolio Hasil Bumi dalam Sistem Ahli?
- A Dr. Ismail Abdul Rahman
 - B Dato' Nik Ahmad Kamil
 - C E.E.C. Thuraisingham
 - D Lee Tiang Keng
- 15 Apakah proses yang membolehkan Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955 diadakan?
- A Persetujuan daripada Pesuruhjaya Tinggi British
 - B Desakan pemimpin-pemimpin tempatan
 - C Rang undang-undang diluluskan
 - D Perkenan Raja-raja Melayu

16 Bagaimanakah kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu berperanan ke arah berkerajaan sendiri?

- I Mengurangkan kuasa pentadbiran British
- II Membentuk kerjasama politik pelbagai kaum
- III Melatih penduduk tempatan untuk mentadbir
- IV Membincangkan isu keselamatan dalam negeri

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

17 Maklumat berikut berkaitan misi kemerdekaan.

- Berlangsung dari 18 Januari 1956 - 6 Februari 1956
- Di Lancaster House, London

Apakah peristiwa yang berlaku?

- A Perjanjian kemerdekaan
- B Sambutan kemerdekaan
- C Rundingan kemerdekaan
- D Pengisytiharan kemerdekaan

18 Mengapakah orang Melayu diberikan kedudukan istimewa di Tanah Melayu?

- A Mahir berbahasa kebangsaan
- B Berkeperibadian tinggi
- C Jumlah yang ramai
- D Penduduk asal

19 Mengapakah lambang berikut dicipta oleh kerajaan Persekutuan?



- A Menonjolkan identiti negara
- B Simbol kewibawaan pemimpin
- C Melambangkan kejayaan rakyat
- D Sokongan menyambut kemerdekaan


20. Mengapakah Rancangan Buku Merah diperkenalkan selepas negara mencapai kemerdekaan?
- A Mengawal kemasukan imigran luar
 - B Menjimatkan kos perbelanjaan kerajaan
 - C Memantau kecekapan pengurusan syarikat
 - D Menilai pelaksanaan rancangan pembangunan
21. Apakah kepentingan konsep daulat dalam sistem politik Melayu tradisional?
- I Memperkukuh kedudukan Raja-raja
 - II Memperluas peranan golongan pembesar
 - III Memelihara keamanan dan kebajikan rakyat
 - IV Mengukuhkan kesetiaan rakyat terhadap raja
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
22. Apakah usaha yang dilakukan oleh kerajaan bagi mengukuhkan pertahanan negara?
- A Menyekat pendatang asing
 - B Mendapatkan tentera upahan
 - C Memodenkan aset ketenteraan
 - D Menetapkan sempadan negara
23. Mengapakah British memperkenalkan Charter of Justice di Negeri-negeri Selat pada abad ke-19?
- A Mempelbagai aktiviti ekonomi
 - B Mengawal keganasan komunis
 - C Menghalang campur tangan kuasa asing
 - D Mengelakkan penindasan terhadap penduduk
24. Apakah yang menyebabkan berlakunya pindaan perlembagaan negara pada tahun 1963?
- A Memelihara hak istimewa orang Melayu
 - B Singapura berpisah daripada Malaysia
 - C Pembentukan Malaysia
 - D Konfrontasi Indonesia
25. Bagaimanakah Yang di-Pertuan Agong memainkan peranan dalam bidang kuasa eksekutif?
- A Membubarkan persidangan parlimen
 - B Melantik Panglima Angkatan Tentera
 - C Menjadi Ketua Agama Islam di Melaka
 - D Memperkenankan Rang Undang-undang

26 Bagaimanakah pemerintahan beraja berperanan bagi mengimbangi pemerintahan demokrasi di negara kita?

- I Bertindak dengan budi bicara
- II Meredakan konflik pertikaian
- III Mengamalkan sikap berkecuali
- IV Berkuasa penuh dalam pentadbiran

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

27 Maklumat berikut berkaitan dengan sistem pentadbiran di negara kita.



Apakah X?

- A Kerajaan Negeri
- B Kerajaan Persekutuan
- C Dewan Undangan Negeri
- D Pihak Berkuasa Tempatan

28 Pada peringkat awal kemerdekaan, kerajaan telah melancarkan program *In-Situ*. Apakah penekanan program tersebut?

- A Pembangunan fizikal desa
- B Penyediaan peluang pekerjaan
- C Pembangunan koridor wilayah
- D Penyusunan semula masyarakat

29 Apakah manfaat pembentukan Malaysia 1963 kepada Sarawak dan Sabah?

- I Kesatuan ideologi politik
- II Keseragaman budaya
- III Kemerdekaan negeri
- IV Kemajuan ekonomi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 30 Jawatankuasa berikut merupakan sebahagian daripada usaha pembentukan Malaysia.

Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM)

Apakah peranan jawatankuasa tersebut?

- A Menyelesaikan bantahan negara jiran
- B Menyediakan ruang perbincangan
- C Merangka siri lawatan muhibbah
- D Meninjau pendapat penduduk

- 31 Maklumat berikut berkaitan dengan kekejaman komunis.

Pengeboman Tugu Negara oleh PKM pada 26 Ogos 1975

Apakah tindakan tegas yang diambil oleh kerajaan agar peristiwa tersebut tidak berulang?

- A Mengenakan Akta Keselamatan Dalam Negeri
- B Menubuhkan pasukan Polis Diraja Malaysia
- C Mengisytiharkan undang-undang darurat
- D Menangkap pemimpin gerakan radikal

- 32 Peristiwa berikut telah mengancam keamanan dan keharmonian negara.

Rusuhan kaum 13 Mei 1969

Apakah pengajaran yang diperoleh daripada peristiwa tersebut?

- A Memupuk semangat bekerjasama
- B Memulihkan kepercayaan rakyat
- C Memperjuangkan hak bersuara
- D Mengekalkan identiti bangsa

- 33 Kajian Aminuddin Baki telah memperkenalkan sistem persekolahan aneka jurusan.
Apakah kepentingan sistem tersebut?

- A Melahirkan tenaga kerja mahir
- B Menyelesaikan masalah buta huruf
- C Memperkasa bidang sains teknologi
- D Meningkatkan semangat patriotik

- 34 Berikut adalah prinsip keempat Rukun Negara.

Kedaulatan Undang-undang

Apakah sikap warganegara Malaysia yang menepati prinsip berikut?

- A Mempertahankan kemuliaan perlembagaan
 - B Menyokong penguatkuasaan undang-undang
 - C Menghormati simbol kedaulatan negara
 - D Mengamalkan nilai-nilai murni
- 35 Pernyataan berikut berkaitan dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru yang dilancarkan pada tahun 1971.

Mencapai perpaduan dan kesejahteraan kaum

Bagaimanakah strategi tersebut dapat dicapai?

- A Membasmi kemiskinan
 - B Memiliknegerakan industri
 - C Memantapkan sistem kewangan
 - D Mengurangkan hak milik warga asing
- 36 Mengapakah Zon Perindustrian Bebas diwujudkan oleh kerajaan?
- A Membangunkan prasarana sistem komunikasi
 - B Menubuhkan pusat penyelidikan industri
 - C Memajukan industri kecil dan sederhana
 - D Merangsang ekonomi kawasan sekitar
- 37 Malaysia memberikan kebenaran kepada PBB untuk membuka pejabat United Nation High Commissioner for Refugees (UNHCR) di Kuala Lumpur.
- Apakah fungsi organisasi tersebut?
- A Menjamin keamanan dunia
 - B Mengawal penyakit berjangkit
 - C Melindungi golongan tidak bernegara
 - D Menyelesaikan jenayah antarabangsa

- 38 Gambar menunjukkan penyertaan Malaysia dalam pertubuhan Komanwel.



Malaysia menjadi tuan rumah sukan Komanwel pada tahun 1998

Apakah manfaat penyertaan Malaysia dalam sukan tersebut?

- A Mengekalkan keamanan dunia
 - B Memupuk semangat kesukanan
 - C Meningkatkan kerjasama kebudayaan
 - D Mengeratkan hubungan negara anggota
- 39 Aktiviti pemerdagangan orang merupakan jenayah terancang yang turut berlaku di Malaysia.
Apakah tindakan kerajaan menangani isu tersebut?
- A Penguatkuasaan undang-undang
 - B Penambahan pegawai penguat kuasa
 - C Pemodenan sistem kawalan imigresen
 - D Pemansuhan kemudahan visa pelancongan
- 40 Apakah cadangan Malaysia untuk melindungi benua Antartika?
- I Diisytiharkan sebagai warisan manusia sejagat
 - II Mewujudkan pusat kajian saintifik antarabangsa
 - III Menghalang penerokaan oleh kuasa besar dunia
 - IV Ditadbir oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV